Keseluruhan tesis ini dibahagikan kepada enam Bab yang merangkumi penerangan umum, teori, komponen, ubahsuai, hasil ujian serta perbincangan dan saranan.

Bab 1 memberikan penerangan secara umum yang berkaitan dengan tajuk tesis, iaitu latarbelakang permasalahan, objektif, skop dan metodologi projek.

Bab 2 membincangkan tentang asas dan teori berkaitan dengan penjana aruhan satu-fasa ujaan sendiri, yang meliputi prinsip dasar, serta ujian-ujian yang berkaitan dengan penentuan parameter penjana.

Bab 3 menjelaskan hal ubahsuai penjana aruhan satu-fasa ujaan sendiri. Ubahsuai bermula daripada menentukan pemuat pirau sampai kepada penentuan komponen pemuat siri. Ujian beban juga dijelaskan dalam Bab 3 ini.

Bab 4 membincangkan hasil ujian penjana dengan pelbagai beban yang bersifat berintangan dan beraruhan, baik beban tulin mahupun beban umum.

Bab 5 memberikan kesimpulan daripada proses ubahsuai motor menjadi penjana aruhan. Beberapa cadangan berkaitan projek yang telah dijalankan diberikan bagi membolehkan kesinambungan projek ini.

BAB II

PENJANA ARUHAN SATU-FASA UJAAAN SENDIRI

2.0 Pengenalan

Penjana aruhan pada dasarnya adalah motor aruhan yang diubahsuai menjadi penjana menerusi teknik tertentu. Penjana aruhan mempunyai binaan yang sama dengan motor aruhan [Boldea dan Nasar, 2001]. Perbezaan yang penting antara penjana aruhan dengan motor aruhan; iaitu kelajuan pemutar digerakkan dengan kelajuan yang lebih terhadap putaran medan magnet pemegun. Dalam bentuk kuantitatif, jika n_s adalah kelajuan segerak mekanik (rpm) pada frekuensi segerak $f_s(Hz)$, jumlah kuasa keluaran yang berasal dari voltan aruhan, berkadar kepada perbezaan kelajuan nisbi antara putaran segerak elektrik dan putaran mekanik, hal ini dapat dijelaskan dalam julat faktor gelincir kelajuan seperti dinyatakan berikut,

$$s = \frac{n_s - n_r}{n_s} \quad (2.1)$$

disini s adalah faktor gelincir dan n_r adalah kelajuan pemutar (rpm).

Jika frekuensi pemegun adalah f_s , maka frekuensi pemutar f_r dapat dihubungkan dengan frekuensi bekalan (pemegun) melalui hubungan berikut,


$$f_r = \frac{p}{120} (n_s - n_r) \frac{n_s}{n_r} = s f_s \quad (2.2)$$

Ketika tidak ada pergerakan nisbi daripada putaran antara pemutar dan pemegun $\omega_r = \omega_s$, maka frekuensi pemutar adalah kosong. Untuk kelajuan sudut, dalam bentuk kuantitatif, voltan aruhan pada pemutar secara langsung berkadar kepada faktor gelincir s , dan dari pemutar diaruhkan ke belitan pemegun. Dari pentakrifan ini, voltan aruhan E_r pada pemutar teraruh untuk sedikit kelajuan lebih terhadap voltan pemutar terkunci E_{r0} , iaitu,

$$E_2 = E_r = s E_{r0} \quad (2.3)$$

Rajah 2.1 menjelaskan ciri kelajuan-tork untuk mesin aruhan . Ia menunjukkan secara jelas bahawa jika motor aruhan digerakkan oleh penggerak mula pada kelajuan yang lebih besar dari kelajuan segerak, maka arah tork aruhan akan berlawanan dan ia akan berkelakuan sebagai penjana. Jika tork pada aci bertambah, maka kuasa yang dijanakan juga bertambah. Bagaimanapun, ada tork aruhan maksimum operasi penjana. Tork ini disebut *tork tolak lebih*. Jika tork yang sebenarnya lebih besar daripada tork tolak lebih, mesin akan bergerak dengan kelajuan melampau.

Mesin aruhan yang beroperasi sebagai penjana adalah terhad. Berbeza dengan penjana segerak, ia tidak dapat menghasilkan kuasa regangan kerana ia tidak mempunyai litar medan yang terpisah. Pada hakikatnya, ia memerlukan kuasa regangan.



Rajah 2.1 Ciri kelajuan-tork mesin aruhan

Bekalan luar daripada kuasa regangan mesti disediakan secara berterusan untuk mengekalkan medan magnet pada belitan pemegun. Penjana aruhan tidak dapat mengawal voltan keluaran sendiri, kerana ia tidak mempunyai litar medan. Voltan pangkalan penjana harus dikekalkan oleh kuasa yang disambungkan kepadanya.


Kelebihan utama daripada penjana aruhan adalah ianya mempunyai binaan yang sederhana dan berkebolehan untuk dioperasikan pada kelajuan yang berbeza (melebihi kelajuan segerak). Pengaturan penjana aruhan adalah sederhana, sehingga ia sesuai untuk diaplikasi pada tenaga diperbaharui dan juga pada penggerak mudah alih sebagai bekalan kuasa tambahan terutama pada masyarakat luar bandar. Pada aplikasi ini, pembetulan faktor kuasa dapat disediakan oleh pemuat dan voltan pangkalan dapat dikawal oleh grid lokal [Kiamah, 2003].

2.1 Penjana aruhan satu-fasa

Penjana aruhan merupakan hasil ubahsuai daripada motor aruhan. Motor aruhan terdiri dari motor aruhan satu fasa dan tiga fasa. Motor aruhan satu fasa pula terdiri daripada motor aruhan satu fasa satu belitan dan motor aruhan satu fasa dua belitan. Dalam sub bab berikut akan dijelaskan kedua jenis penjana aruhan, iaitu penjana aruhan satu fasa satu belitan dan penjana aruhan satu fasa dua belitan.

2.1.1 Penjana aruhan satu-belitan


Ketika pemuat yang sesuai disambungkan pada pangkalan belitan pemegun, voltan aruhan yang disebabkan oleh ujaan sendiri, magnitudnya bergantung kepada nilai pemuat dan kelajuan serta ciri pemagnetan [Murthy,1992]. Ketepuan magnet membatasi penaikan voltan yang berterusan dan tetap pada nilai keadaan mantap. Ketika belitan pemegun dibebankan, nilai jatuh voltan bergantung kepada magnitud dan faktor kuasa beban. Rajah 2.2 menunjukkan sambungan skema tersebut. Mesin digerakkan pada kelajuan melebihi kelajuan segerak ω , maka arus I_m yang dibekalkan merupakan jumlah arus ujaan I_C dan arus beban I_L . Pengukuran ciri beban menunjukkan bahawa sebahagian besar jatuh voltan (voltage drop) terjadi pada beban dengan faktor kuasa lebih kecil daripada satu.



Rajah 2.2 Litar penjana satu-fasa satu belitan

2.1.2 Penjana aruhan dua-belitan

Penjana aruhan satu-fasa ujaan sendiri adalah penjana yang diubahsuai daripada motor aruhan dengan dua-belitan pemegun. Belitan tersebut adalah belitan utama dan belitan sokongan. Satu belitan pemegun berfungsi sebagai belitan ujaan dan belitan yang lain berfungsi sebagai belitan beban.



Rajah 2.3 Litar penjana satu-fasa dua belitan

Sewaktu penjana aruhan digerakkan oleh penggerak mula untuk kelajuan melebihi kelajuan segerak ω , voltan diaruhkan pada pangkalan belitan utama dan belitan sokongan. Hal ini berlaku oleh sebab proses ujaan sendiri oleh pemuat ujaan C_{sh} . Apabila penjana

diberi beban, nilai voltan aruhan akan turun, ini disebabkan oleh kejatuhan voltan pada galangan beban dan penyahmagnetan. Masalah ini telah diatasi dengan menyambung satu pemuat siri C_s yang sesuai yang dapat mengurangi penyahmagnetan oleh beban. Rajah 2.3 menunjukkan litar penjana aruhan satu fasa dua belitan.

2.2 Pemuat ujaan sendiri C_{sh}

Pemuat ujaan-sendiri pada mesin aruhan dikenal sangat fenomena [Murthy,1992]. Ketika penjana digerakkan oleh penggerak mula, fluks baki dalam pemutar mengaruhkan sedikit voltan ke dalam belitan pemegun. Jika satu pemuat yang sesuai disambungkan kepada pangkalan belitan pemegun, maka arus akan mengalir mendahului voltan. Ini akan menambah fluk teras dan menimbulkan kesan salji runtuh yang disebabkan adanya perbezaan voltan, iaitu perbezaan antara voltan aruhan dengan voltan pemuat. Kenaikan voltan terus-menerus ditahan oleh ketepuan magnet pada mesin, sehingga keadaan mantap dapat dicapai. Voltan keadaan mantap bergantung kepada kelajuan, kemuatan, parameter mesin, ciri pemagnetan dan beban. Dengan kata lain, fenomena ujaan sendiri disebabkan oleh pertukaran tenaga berterusan antara medan elektrik (pemuat) dan medan magnet (mesin).

Untuk mendapatkan satu nilai pemuat ujaan yang sesuai, beberapa teknik boleh dilakukan. Cara pertama adalah dengan pendekatan cuba-ralat. Cara ini dilakukan dengan merubah-ubah nilai pemuat sampai didapat satu nilai yang sesuai. Cara kedua dapat dilakukan dengan mengukur kuasa regangan motor. Kuasa regangan motor dapat dijadikan asas untuk menentukan nilai pemuat ujaan. Cara lain adalah melalui lengkung pemagnetan yang diperolehi dari ujian tanpa beban dan ujian kelajuan segerak. Persamaan litar setara penjana juga dapat digunakan sebagai dasar untuk menentukan nilai pemuat ujaan tersebut. Hal ini akan dijelaskan dalam bahagian berikut.

2.3 Penentuan nilai pemuat ujaan sendiri C_{sh}

Penentuan nilai pemuat ujaan sendiri C_{sh} dapat dilakukan dengan beberapa cara, seperti dijelaskan berikut ini.

2.3.1 Penentuan pemuat ujaan melalui nilai kuasa regangan motor

Dalam penyelidikan ini, penentuan pemuat ujaan akan dilakukan dengan pendekatan praktikal, iaitu dengan mengukur kuasa regangan yang diserap oleh mesin pada waktu difungsikan sebagai motor. Penentuan dengan cara ini dianggap lebih mudah dan menghasilkan nilai yang sesuai.

Ketika mesin berfungsi sebagai motor, selain menyerap kuasa aktif, mesin juga menyerap kuasa regangan. Campuran kuasa ini disebut kuasa ketara. Kuasa regangan yang diserap motor disebabkan adanya komponen kearuhan dalam motor, iaitu belitan pemegun. Ketika mesin beroperasi sebagai penjana, maka kuasa regangan dapat diperolehi dari komponen berkemuatan [Griffiths,1995].

Kuasa ketara S yang diserap oleh motor adalah sebagai berikut,

$$S = VI \quad (2.4)$$

Disini,

V adalah voltan

I adalah arus.

Sementara kuasa aktif P yang diserap oleh motor adalah,

$$P = S \cos \theta \quad (2.5)$$

Disini,

$\cos \theta$ adalah faktor kuasa.

Seterusnya kuasa regangan Q yang diserap motor dijelaskan sebagai berikut,

$$Q = S \sin \theta \quad (2.6)$$

atau

$$Q = \sqrt{S^2 - P^2} \quad (2.7)$$

Ketika mesin dioperasikan sebagai penjana, maka pemuat harus membekalkan paling sedikit Q VAR kepada beban. Arus berkemuatan yang dihasilkan oleh pemuat adalah,

$$I_c = \frac{Q}{V} \quad (2.8)$$

Regangan berkemuatan X_c adalah,

$$X_c = \frac{V}{I_c} \quad (2.9)$$

Dengan nilai regangan berkemuatan, maka dapat ditentukan nilai daripada pemuat ujaan yang diperlukan untuk membekalkan kuasa regangan yang diperlukan oleh penjana. Nilai pemuat C dapat dijelaskan dengan menggunakan persamaan sebagai berikut,

$$C = \frac{1}{2\pi f X_c} \quad (2.10)$$



di sini f adalah frekuensi sistem.

2.3.2 Penentuan pemuat ujaan melalui lengkung pemagnetan

Untuk menemui lengkung pemagnetan daripada penjana aruhan, boleh diperolehi dengan dua cara. Cara pertama adalah dengan melakukan ujian tanpa beban dengan voltan bekalan diubah. Cara kedua adalah dengan melakukan ujian kelajuan segerak. Dari lengkung pemagnetan diperolehi nilai regangan pemagnetan yang merupakan cerun daripada lengkung tersebut. Pemuat ujaan juga dapat ditentukan melalui lengkung pemagnetan ini. Lengkung pemagnetan ditentukan melalui ujian penjana tanpa beban dan voltan berubah. Ujian penjana kelajuan segerak dapat dijelaskan sebagai berikut.

2.3.2(a) Ujian tanpa beban voltan berubah

Penjana dioperasikan sebagai motor tanpa beban mekanik pada aci dengan bekalan voltan yang berubah-ubah pada frekuensi kadaran. Data daripada voltan masukan dan arus diambil pada setiap perubahan nilai voltan. Rajah 2.4 menunjukkan litar ujian tanpa beban dan voltan bekalan berubah.



Rajah 2.4 Litar Ujian tanpa beban voltan masukan berubah

(a) Litar ujian. (b) Model litar

Gelincir adalah sangat kecil pada keadaan tanpa beban sehingga $r_2 / 2s$ bernilai sangat besar dan litar pemutar dapat dianggap dalam keadaan terbuka, dimana r_2 adalah nilai rintangan pemutar. Jika nilai regangan pemagnetan X_m berubah, ianya harus dihilangkan dari persamaan yang digunakan untuk menentukan nilai voltan celah udara V_{gf} .

Kuasa dua daripada galangan input diberikan oleh persamaan berikut,

$$\frac{V_{gf}^2}{I_{NL}^2} = r_1^2 + (x_1 + X_m)^2 \quad (2.11)$$

Disini,

V_{gf} adalah voltan celah udara

I_{NL} adalah arus tanpa beban

r_1 adalah rintangan belitan pemegun

x_1 adalah regangan bocor pemegun

X_m adalah regangan pemagnetan.

seterusnya,


$$X_m = \left(\frac{V_{gf}^2}{I_{NL}^2} - r_1^2 \right)^{\frac{1}{2}} - x_1$$

Hasil yang diperolehi ialah,

$$|V_{gf}| = X_m I_{NL} = \left[\left(\frac{V_{gf}^2}{I_{NL}^2} - r_1^2 \right)^{\frac{1}{2}} - x_1 \right] I_{NL} \quad (2.12)$$

2.3.2(b) Ujian kelajuan segerak

Ujian kelajuan segerak dilakukan dengan menggerakkan pemutar pada kelajuan segerak pada frekuensi dasar [Rai,193]. Ujian ini dilakukan untuk mendapatkan lengkung pemagnetan daripada penjana.



Rajah 2.5 Litar ujian kelajuan segerak. (a) Litar ujian. (b) Litar setara

Dari lengkung pemagnetan, maka diperolehi nilai regangan pemagnetan daripada belitan pemegun penjana. Ia dapat digerakkan dengan menggunakan motor dc atau motor lain. Voltan bekalan diubah pada pangkalan belitan pemegun dan arus serta kuasa direkod pada setiap perubahan voltan. Pada setiap perubahan voltan kelajuan pemutar dikekalkan pada kelajuan segerak. Pada kelajuan lebih kecil daripada kelajuan segerak, rintangan pemutar r_2 dan regangan bocor pemutar x_2 adalah sangat kecil berbanding dengan $r_2 / 2s$, sehingga litar pemutar dapat dianggap dalam keadaan terbuka.

Rajah 2.5 menunjukkan litar penjana pada kelajuan lebih kecil daripada kelajuan segerak, iaitu pada frekuensi per unit $F = 1$ atau pada gelincir $s = 0$, dan litar pemutar dianggap terbuka. Galangan masukan Z_{in} adalah,

$$Z_{in} = r_1 + jx_1 + jX_m \quad (2.13)$$

Lengkungan voltan celah udara V_{gf} terhadap arus pemagnetan I_m , iaitu V_{gf} vs I_m menghasilkan regangan pemagnetan X_m .

2.4 Penentuan pemuat ujaan melalui persamaan daya gerak magnet

Pemuat ujaan dapat ditentukan dengan menggunakan persamaan daya gerak magnet aruhan antara belitan utama dan belitan sokongan [Jin., et.al, 2005]. Ketika penjana digerakkan oleh penggerak mula, fluks baki dalam pemutar mengaruhkan sedikit voltan ke dalam belitan pemegun yang terdiri daripada belitan utama dan belitan sokongan. Voltan aruhan ini menghasilkan arus yang kecil dalam belitan.

Arus akan menghasilkan daya gerak magnet dalam masing-masing belitan. Arus belitan utama dan belitan sokongan dapat dipisahkan sebagai berikut,

$$i_m = \sqrt{2}I_m \cos \omega t \quad (2.14)$$

$$i_a = \sqrt{2}I_a \cos(\omega t + \theta_a) \quad (2.15)$$

Disini,

i_m adalah arus belitan utama

i_a adalah arus belitan sokongan.

Keseluruhan daya gerak magnet teraruh F (MMF) adalah,

$$F(\theta, t) = F_m(\theta, t) + F_a(\theta, t) \quad (2.16)$$

Disini,

F_m adalah daya gerak magnet teraruh belitan utama

F_a adalah daya gerak magnet teraruh belitan sokongan.

Daya gerak magnet daripada belitan utama dan belitan sokongan dapat dinyatakan sebagai berikut,

$$F_m(\theta, t) = N_m i_m \cos \theta = N_m \sqrt{2}I_m \cos \omega t \cos \theta \quad (2.17)$$

$$F_a(\theta, t) = N_a i_a \cos(\theta + 90^\circ) = N_a \sqrt{2}I_a \cos(\omega t + \theta_a) \cos(\theta + 90^\circ) \quad (2.18)$$

Maka daya gerak magnet keseluruhan yang diperolehi adalah,

$$F(\theta, t) = N_m \sqrt{2}I_m \cos \omega t \cos \theta + N_a \sqrt{2}I_a \cos(\omega t + \theta_a) \cos(\theta + 90^\circ) \quad (2.19)$$

Disini,

N_m adalah jumlah belitan utama

N_a adalah jumlah belitan sokongan

θ_a adalah perbezaan fasa antara belitan utama dan belitan sokongan.

Persamaan 2.19 di atas dapat dibahagi menjadi daya gerak magnet teraruh, iaitu daya gerak magnet ke hadapan dan daya gerak magnet ke belakang. Hal ini dijelaskan oleh hubungan berikut ini,

$$F(\theta, t) = \frac{1}{\sqrt{2}} [(N_m I_m - N_a I_a \sin \theta_a) \cos(\omega t + \theta) - (N_a I_a \cos \theta_a) \sin(\omega t + \theta)] \\ + \frac{1}{\sqrt{2}} [(N_m I_m + N_a I_a \sin \theta_a) \cos(\omega t - \theta) + (N_a I_a \cos \theta_a) \sin(\omega t - \theta)] \quad (2.20)$$

Dalam Persamaan 2.20, bahagian pertama daripada sisi kanan persamaan adalah daya gerak magnet ke hadapan dan bahagian kedua adalah daya gerak magnet ke belakang. Jika

$$N_m I_m = N_a I_a, \theta_a = 90^\circ$$

maka persamaan 2.20 akan menjadi kosong, dan persamaan di atas menjadi lebih ringkas.

Ianya hanya sebagai persamaan daya gerak magnet ke hadapan seperti berikut,

$$F(\theta, t) = N_m \sqrt{2} I_m \cos(\omega t - \theta)$$

Nilai optimum daripada pemuat ujaan C_{sh} dapat ditentukan dalam keadaan,

$$N_m I_m = N_a I_a, \theta_a = 90^\circ.$$

Sehingga,

$$N_m I_m = N_a I_a$$

boleh dijelaskan sebagai galangan dan seterusnya Persamaan 2.20 dapat dinyatakan sebagai berikut,

$$N_m I_m = N_a I_a \\ N_m \sqrt{r_{lm}^2 + (\omega L_m)^2} = N_a \sqrt{r_{lm}^2 + (\omega L_a - \frac{1}{\omega C_{sh}})^2} \quad (2.21)$$

Nilai C_{sh} daripada Persamaan 2.21, yang dirumuskan sebagai berikut;

$$C_{sh} = \frac{1}{\omega \left\{ r_{1m} + \omega L_a - \left(\frac{N_a}{N_m} \right) \left(r_{1m} + \omega L_m - \sqrt{2r_{1m}\omega L_m} \right) \right\}} \quad (2.22)$$

Disini,

r_{1m} adalah rintangan belitan pemegun utama

L_m adalah pearuh belitan pemegun utama

L_a adalah pearuh belitan pemegun sokongan

2.5 Pemuat siri C_s

Menurut kajian Jin et. al (2005), menyatakan bahawa pemuat C_s secara siri disambungkan kepada belitan utama daripada penjana aruhan untuk menghilangkan unsur tidak stabil yang bergantung kepada perubahan beban. Ini kerana litar daripada belitan utama dibuka pada keadaan tidak berbeban, maka menganalisis litar dalam keadaan ini tidak mungkin dapat dilakukan. Walau bagaimanapun, pemuat siri C_s harus ditentukan pada keadaan berbeban. Pemuat siri C_s dapat dikira dari persamaan yang digunakan dalam menentukan pemuat ujaan C_{sh} dan beban R_L . Secara am nya dapat dirumuskan sebagai berikut,

$$N_m \sqrt{(r_{1m} + R_L)^2 + \left(\omega L_m - \frac{1}{\omega C_s} \right)^2} = N_a \sqrt{r_{1a}^2 + \left(\omega L_a - \frac{1}{\omega C_{sh}} \right)^2} \quad (2.23)$$

$$C_s = \frac{1}{\omega \left\{ r_{1m} + R_L + \omega L_m - \left(\frac{N_a}{N_m} \right) \left(r_{1a} + \omega L_a - \frac{1}{\omega C_{sh}} \right) \right\}} \quad (2.24)$$

Disini,

r_{1a} adalah rintangan belitan pemegun sokongan

2.6 Kesan perubahan frekuensi


Model litar setara daripada motor aruhan satu-fasa dua-belitan yang merujuk ke pemegun pada frekuensi kadaran ditunjukkan di dalam Rajah 2.6. Frekuensi kadaran daripada motor ditandai dengan f_B yang bersesuaian dengan kelajuan segerak ω_B , maka perbandingan daripada kelajuan pemutar penjana ω berbanding kelajuan segerak dasar ω_B adalah W .

Maka hubungan berikut diperolehi,

$$W = \frac{\omega}{\omega_B} \quad (2.25)$$

Dengan cara yang sama, perbandingan daripada frekuensi terjana f terhadap frekuensi kadaran f_B dinyatakan sebagai F , iaitu,


$$F = \frac{f}{f_B} \quad (2.26)$$



Rajah 2.6 Model motor aruhan satu-fasa dua-belitan pada frekuensi kadaran

Berdasarkan Rajah 2.6, semua model regangan diukur pada frekuensi kadaran dan di bawah keadaan frekuensi yang berubah. Nilai regangan beraruhan berkadaran terus dengan perubahan frekuensi dan nilai regangan berkemutan berkadaran songsang terhadap

perubahan frekuensi [McPherson dan Laramore, 1990] . Voltan teraruh terhadap $|V_{gf}|$ dan kebelakang $|V_{gb}|$ yang diaruhkan oleh fluks celah udara berkadaran terus dengan perubahan frekuensi tersebut. Kesan ini ditunjukkan oleh Rajah 2.7.



Rajah 2.7 Kesan perubahan frekuensi pada motor aruhan

Kelajuan segerak juga berubah terhadap perubahan frekuensi yang ditandai dengan $F\omega_B$. Gelincir s pada keadaan operasi adalah

$$s = \frac{\omega_s - \omega}{\omega_s} = \frac{F\omega_B - W\omega_B}{F\omega_B} = \frac{F - W}{F} \quad (2.27)$$

Diperhatikan juga bahawa bila gelincir bernilai negatif dalam operasi sebagai penjana, maka kuantiti $F - W$ juga bernilai negatif.

2.7 Hubungan frekuensi dengan gelincir

Merujuk kepada bahagian penjana daripada lengkung tork/gelincir seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 2.8, memperlihatkan bahawa gelincir menjadi kecil dan negatif. Beban elektrik tidak boleh dinaikkan melampaui tork maksimum. Pada titik ini, operasi


menjadi tidak stabil dan penjana tidak berfungsi. Frekuensi keluaran f diberikan oleh hubungan;

$$f = \frac{p\omega_s}{4\pi} = \frac{p}{4\pi} \frac{\omega}{1-s} \quad (2.28)$$

Disini,

p adalah kutub motor.

Dari persamaan 2.28 dapat dijelaskan bahawa faktor yang mempengaruhi nilai frekuensi penjana ditentukan oleh gelincir dan kelajuan penjana. Perubahan nilai gelincir menyebabkan perubahan nilai frekuensi. Apabila gelincir negatif, maka kuantiti $(1-s)$ melebihi satu. Jika beban elektrik ditambahkan kepada penjana, kelajuan penjana akan berkurang dan ini akan mempengaruhi nilai frekuensi penjana.




Rajah 2.8 Tork sebagai fungsi gelincir

2.8 Pembinaan voltan aruhan


Untuk menghasilkan voltan pangkalan [McPherson dan Laramore ,1990], pada waktu penggerak mula menggerakkan penjana melebihi kelajuan segerak, ia harus meliputi dua syarat. Pertama, teras pemutar harus mempunyai sedikit kemagnetan baki dan nilai

pemuatan ujaan C_{sh} yang sesuai disambungkan ke pangkalan belitan pemegun. Teras pemutar tidak memerlukan pemagnetan yang tinggi. Selalunya, operasi penjana pada waktu sebelumnya menyisakan kemagnetan yang cukup pada pemutar. Apabila kemagnetan tidak ada pada pemutar, maka kemagnetan dapat diperolehi dengan cara memicu (trigger) bekalan voltan arus terus (at) pada pangkalan belitan ujaan [Anozira, 2002].

Dalam Rajah 2.9 menunjukkan bahawa mengapa voltan pada penjana harus mendahului. Kutub magnet N dan kutub magnet S yang terbina dalam pemutar disebabkan oleh adanya kemagnetan baki. Keadaan tidak berbeban dijelaskan untuk menghindari kerumitan yang tidak ketara. Pada waktu rintangan beban R tidak terhingga, maka nilai gelincir yang dihasilkan adalah sangat kecil, sehingga nilai $r_2 / (F - W)$ secara amnya sama dengan litar terbuka. Seterusnya arus kemagnetan $I_{\phi g} \approx -I_a$, seperti yang diperlihatkan di dalam Rajah 2.10.




Rajah 2.9 Keadaan pembinaan voltan penjana aruhan terpencil



Rajah 2.10 Model litar penjana tanpa beban

Merujuk kepada Rajah 2.9a menunjukkan bahawa kutub magnet baki pada pemutar dengan kedudukan relatif terhadap belitan pemegun sedemikian, sehingga fluks penghubung dengan belitan tersebut berkurang pada kedudukan maksimum dan menyebabkan nilai voltan celah udara V_{gf} mencapai nilai puncak. Nilai puncak yang dihasilkan adalah bersesuaian dengan nilai kemagnetan baki pada pemutar. Rajah 2.9b memperlihatkan keadaan 90 darjah elektrik seterusnya. Kutub pemutar terbentang sepanjang paksi daripada belitan pemegun, dan pada waktu voltan mencapai nilai tertentu, maka arus belitan harus dalam arah yang dapat menaikkan nilai kemagnetan pemutar. Merujuk kembali kepada Rajah 2.9b, penggunaan kaedah tangan kanan menunjukkan bahawa I_a bernilai maksimum negatif.

Pemeriksaan daripada bentuk gelombang di dalam Rajah 2.11 memperlihatkan bahawa arus beban I_a mendahului V_{gf} dengan sudut 90 darjah. Hal ini diakibatkan oleh galangan yang dihubungkan ke pangkalan penjana adalah berkemuatan.




Rajah 2.11 Gelombang keluaran tanpa beban dan gambarajah pemfasa

Plot voltan celah udara $|V_{gf}|$ seperti yang digambarkan di dalam Rajah 2.12 adalah fungsi daripada arus belitan pemegun $|I_a|$ untuk sesuatu mesin aruhan satu-fasa. Bagaimanapun, ketepuan adalah diabaikan dalam pemuat. Pada keadaan tanpa beban, $|I_{\phi g}| = |I_a|$, dan jika r_1 dan x_1 bernilai kecil, maka $I_a \approx (V_{gf} - jX_C)$, sehingga ciri pemuat menjadi satu garis lurus ketika diplot pada grid yang sama dengan lengkung pemagnetan. Persamaan daripada garis lurus tersebut adalah,

$$|V_{gf}| = X_C |I_{\phi g}| \quad (2.29)$$

Perhatikan bahawa cerun daripada garis tersebut adalah X_C , iaitu kemuatan daripada pemuat ujaan. Kelengkungan dibuat untuk operasi pada frekuensi kadaran. Diperlihatkan bahawa untuk satu nilai regangan berkemuatan X_{C1} , voltan tanpa beban akan mencapai V_{gf1} , pada waktu penjana digerakkan pada kelajuan gelincir negatif. Kemuatan kritikal adalah bersesuaian dengan garis celah udara, dalam hal ini adalah C_1 . Untuk pemuat yang lebih kecil, voltan tidak akan terbina sama sekali. Ordinat daripada kelengkungan kemagnetan adalah berbanding lurus terhadap frekuensi dan cerun daripada garis X_C adalah

berkadaran songsang terhadap frekuensi. Sehingga jika kelajuan penjana berkurang, maka diperlukan pemuat yang lebih besar untuk menjaga voltan yang diinginkan.



Rajah 2.12 Lengkung pemagnetan penjana aruhan satu-fasa

2.9 Model keadaan mantap

Litar setara penjana aruhan satu-fasa ujaan sendiri merupakan hasil ubahsuai daripada litar setara motor aruhan dua belitan berdasarkan tiori *double rotating field* [Singh dan Shilpkar, 1999]. Litar setara motor aruhan satu-fasa dua-belitan ditunjukkan oleh Rajah 2.13. Litar ini dikembangkan dengan cara menggantikan sumber voltan bekalan V_m dengan galangan beban Z_L yang tersambung siri dengan pemuat siri $X_s (= 1/\omega_b C_s)$ dalam belitan utama, dan selari dengan pemuat ujaan $X_{sh} (1/\omega_b C_{sh})$ dalam belitan sokongan. Hal ini ditunjukkan oleh Rajah 2.14.